

Asas Agama terbina dari Islam, Iman dan Ihsan.

Asas ini diambil dari sebuah hadith Nabi yang sohih dari Imam Muslim r.a berbunyi :

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ : بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدٌ بَيَاضَ النَّيَابِ ، شَدِيدٌ سَوَادِ الشَّعْرِ لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ ، فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ وَقَالَ : يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ : الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ، قَالَ صَدَقْتَ ، فَعَجَبْنَا لَهُ بِسَأَلِهِ وَيُصَدِّقُهُ ، قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ ، قَالَ : أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ ، قَالَ صَدَقْتَ ، قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ ، قَالَ : أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ ، قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ قَالَ : مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ ، قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَاتِهَا ، قَالَ : أَنْ تَلِدَ الْأُمَّةُ رَبَّتَهَا وَأَنْ تَرَى الْحَقَّاءَ الْعُرَاةَ الْعَالَةَ رُعَاءَ الشَّاءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ ثُمَّ انْطَلَقَ فَلَيْثَ مَلِيًّا ثُمَّ قَالَ يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مَنْ السَّائِلُ ، قُلْتُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمَ ، قَالَ : فَإِنَّهُ جِبْرِيْلُ أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ .

Artinya :

Dari Saiyidina Umar r.a telah berkata : Apabila kami sedang duduk-duduk dengan Rasulullah s.a.w pada satu hari, muncul seorang yang sangat putih

bersih pakaiannya, sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan darinya tanda-tanda sebagai seorang musafir dan tidak pula ada seorang pun diantara kami yang mengenalinya, lalu dia duduk berhadapan dengan Nabi s.a.w.

Orang itu dekatkan lututnya dengan lutut Nabi dan dia meletakkan kedua telapak tangannya di atas kedua pahanya sambil berkata : Wahai Muhamad khabarkan aku mengenai Islam ? Maka berkata nabi s.a.w : Islam itu kamu naik saksi tiada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya Muhamad itu Rasulullah, kamu menunaikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, menunaikan haji jika mampu. Lalu orang itu mengatakan : benar kamu Kami merasa hairan kerana dia yang bertanya dan dia juga membenarkannya.

Orang itu bertanya lagi : Khabarkan aku mengenai Iman ? Berkata Nabi s.a.w : Hendaklah kamu percaya kepada Allah, para malaikatnya, kitab-kitabnya, para rasulnya, hari akhirat dan kamu percaya dengan qadar Allah baiknya dan buruknya. Dia berkata : Benar kamu .

Orang itu bertanya lagi : Maka khabarkanlah aku mengenai Ihsan ? Berkata Nabi s.a.w : Hendaklah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatnya, maka jika kamu tidak dapat merasakan demikian, sesungguhnya Dia tetap melihat kamu.

Bertanya lagi orang itu : Khabarkan kepada saya mengenai hari Kiamat ? Lalu baginda bersabda: Sememangnya orang yang bertanyakannya lebih mengetahui dariku. Orang itu bertanya lagi : Khabarkan ku mengenai tanda-tandanya. Sabda Nabi s.a.w. : Apabila seseorang hamba melahirkan majikannya, apabila seorang miskin menjadi pemimpin masyarakat, apabila masyarakat yang pada asalnya pengembala kambing mampu bersaing dalam menghiasi dan meninggikan bangunan-bangunan.

Kemudian orang itu pun beredar dari situ dan tidak berapa lama kemudian Nabi bertanya : Adakah Engkau tahu siapa yang bertanya tadi ? Aku menjawab : Allah dan Rasulnya lebih mengetahui.

Nabi s.a.w bersabda : Sesungguhnya dia itu Jibril datang kepada kamu untuk mengajar kepada kamu urusan agama kamu.

PENGAJARAN HADITH :

Dari hadith ini, kita perolehi berbagai pengetahuan dan pengajaran. Antaranya :

- 1- Kita perolehi ilmu mengenai Islam, Iman , Ihsan dan tanda-tanda Qiyamah sebelum Qiyamah berlaku.
- 2- Kita mendapat pengetahuan bahawa malaikat boleh menyerupai seseorang.
- 3- Dari lakonan Jibril dengan Nabi s.a.w kita dapati cara duduknya yang berhampiran dengan Nabi s.a.w adalah sebaik-baik cara duduk dalam menuntut ilmu.
- 4- Dari kata-kata Jibril a.s yang ‘membenarkan’ jawapan Nabi s.a.w selepas penjelasan Nabi s.a.w melambangkan pengetahuannya yang sudah tersedia ada sebelum beliau menyoal Nabi s.a.w. Seolah-olah beliau sedang melakukan ‘cross checking’ dengan Nabi s.a.w
- 5- Adapun selepas penjelasan Nabi s.a.w mengenai Ihsan, Malaikat Jibril tidak melafazkan ‘ benar ‘ adalah bukti bahawa para malaikat tiada diberi kekuasaan untuk menyelami perasaan manusia serta lintasan hati mereka.

KESIMPULAN HADITH

Hadith ini termasuk antara dalil dalam menunjukkan peri pentingnya Ilmu Fardhu Ain. Secara ringkas hadith ini menjelaskan apa itu ‘Islam’, ‘Iman’ dan ‘Ihsan’. Maka dari setiap 3 bahagian ini terbit matapelajarannya sebagai ilmu-ilmu fardhu ain.

Islam :

Ilmu yang menjelaskan perihal Islam serta peraturan-peraturannya dari sudut menunaikannya dengan betul atau sebaliknya. Ilmu ini dinamakan ilmu Fiqih.

Iman :

Adapun ilmu yang membicarakan perihal ‘Iman’ dinamakan Ilmu Tauhid.

Ia menjelaskan apakah yang wajib seseorang muslim mempercayai mengenai tuhan, para malaikat, kitab-kitabnya , para rasul, hari qiyamah dan qada’ dan qadar Allah.

Ihsan :

Dan adapun ilmu yang membawa seseorang mukmin untuk merasakan khusyu' dalam solatnya sehingga ia benar-benar dapat merasakan kehadiran Allah dalam hatinya, ilmu ini dikenali sebagai ilmu Tasauf. Ihsan juga lambang perhubungan baik antara si hamba dengan manusia yang lain disamping hubungan baik dengan tuhan.

Ihsan juga adalah pencapaian derajat yang paling tinggi dalam agama. Ini disebabkan seseorang hamba membuat kebajikan itu bukan kerana percaya (iman) adanya pahala dan perhitungan akhirat tetapi lebih dari itu. Dia membuat kebajikan kerana seolah-olah melihat tuhan di mana sahaja di pergi. Oleh yang demikian kebajikannya lebih berkesan dan dianggap lebih ikhlas kerana tumpuan beramal tidak akan terganggu gugat dengan persekitarannya.

Dari ketiga-tiga bahagian ini , kita dapat ambil satu gambaran bahawa bulatan Ihsan lebih kecil dari bulatan Iman , sedangkan bulatan Iman lebih kecil dari bulatan Islam.

Ini juga bermakna tidak semua orang Islam mempunyai keimanan yang sempurna, sebagaimana tidak semua orang yang mempunyai iman yang sempurna mempunyai Ihsan.

Sebaliknya semua orang yang berjaya mencapai derajat Ihsan mempunyai kesempurnaan Iman dan Islam.

SENTUHAN AYAT ALQURAN MENGENAI : ISLAM , IMAN DAN IHSAN

Terdapat banyak ayat alquran di beberapa tempat dalam alquran menjelaskan 3 rangkaian ini. Antaranya ialah ayat 3 Al-Juma'ah :

"هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ "

Artinya :

'Dialah (Allah) yang membangkitkan dari kalangan mereka yang tidak tahu menulis dan membaca seorang rasul , yang membacakan (menerangkan) kepada mereka tanda-tanda kekuasaanNya (Allah), dan dia (rasul ini) membersihkan jiwa mereka (dari sifat-sifat yang kotor), dan

dia mengajar mereka alkitab (alquran) dan alhikmah (sunnah), walaupun kaum ini pada waktu sebelumnya berada di dalam kesesatan yang nyata.'

Rujukan tiga serangkai dari ayat Alquran :

1- *membacakan (menerangkan) kepada mereka tanda-tanda kekuasaannya (Allah)*- rujukan Ilmu Tauhid atau perihal Iman.

2- *dan dia (rasul ini) membersihkan jiwa mereka (dari sifat-sifat yang kotor)*- rujukan Ilmu Tasauf atau perihal Ihsan.

3- *), dan dia mengajar mereka alkitab (alquran) dan alhikmah (sunnah),*
- rujukan Ilmu Fiqih atau perihal Islam.

KAITAN SYARIAT, HAKIKAT & MA'RIFAT

Satu istilah baru pernah digunakan untuk mengaitkan ketiga-tiga perkara ini dalam satu ibarat / perumpamaan agar ianya dapat memberikan satu gambaran bahawa ketiga-tiga perkara ini tidak boleh dipisah-pisahkan antara satu sama lain. Jika terpisah salah dari ketiga-tiga perkara ini , pincanglah agama seseorang muslim itu.

SYARIAT di istilahkan kepada hukum-hukum Fiqih di mana fungsinya sangat penting dalam agama yang bakal menentukan halal dan haram sebagai undang-undang dalam agama, atau ilmu yang menentukan sesuatu amalan itu betul atau salah di pandangan agama.

Ibarat dalam perumpamaan buah-buahan , seperti buah limau , ianya berada di tahap 'kulit' . Jika kulit limau itu baik dan bagus sudah pasti isinya juga bagus dan baik. Jika kulitnya sudah busuk atau berlubang, dapat dikenali pasti bahawa isinya juga rosak dan busuk malah berulat. Hanya dalam adat pemakanan , bila isi sudah diambil kulit dibuang. Ini bertentangan dengan ajaran agama bahawa semakain isi di ambil kulit di kekalkan dan terus terpelihara kerana kulit adalah penyebab dan pelindung isi, tidak seharusnya dilupakan. Keajaiban kulit ini mengakibatkan seseorang itu apabila melihatnya sahaja akan mengucapkan SUBHANALLAH.

HAKIKAT pula, di istilahkan kepada ilmu Tauhid iaitu ilmu yang menyampaikan kepada keredhaan hati atau jiwa samada baik atau buruk

ketika menjalani hidup dan ketentuannya . Si muslim itu akan menerima dengan senang hati baik dan buruk yang di tentukan dalam hidupnya. Jiwa mereka yang sudah mencapai hakikat ini akan sentiasa tunduk dan patuh kerana kesempurnaan kesedaran bahawa hakikat jelmaan di dunia adalah merupakan sifat ‘hamba’ bukan ‘tuan’.

Ibarat dalam perumpamaan buah limau tadi, ia berada di tempat ‘isi’ bagi buah limau tersebut. Isi ini ditentukan dari aspek kulitnya, jika baik kulitnya baiklah isinya dan sebaliknya. Kadangkala berlaku juga kulit limau itu rosak tetapi isinya baik dan juga sebaliknya. Perihal seperti ini tidak boleh diambil kias kerana keganjilan dan kejarangan yang berlaku. Keredhaan atau persamaan kulit dan isi dari sudut baik dan buruknya adalah satu ketentuan semulajadi yang tidak dapat dinafikan , ucapan yang dilauhkan bagi ketetapan ini ialah ALHAMDULILAH.

MAKRIFAT, adalah satu istilah kepada Ilmu Tasauf, iaitu ilmu yang membawa kepada rasa kehadiran Allah bersamanya pada setiap masa dan ketika, ilmu yang membangkitkan keagungan Allah dan meninggikan SyiarNya dalam diri si muslim itu. Ilmu ini adalah kemuncak bagi pengiktirafan seorang hamba kepada tuhanNya. Peringkat ini adalah peringkat tertinggi dalam pencapaian seseorang hamba dan matlamat ibadah. Dengan wujudnya rasa makrifat ini, si muslim akan terus di bimbing dan terbimbing untuk terus mendekatkan dirinya kepada Penciptanya.

Ibarat dari buah limau, ia di tempatkan kepada ‘rasa’ isi tersebut. Maka dengan ini terhasillah matlamat dari buah limau itu , iaitu mendapatkan rasanya sebagai perkara yang terakhir yang diharapkan dari wujudan buah tersebut. Bagi yang merasakannya, ia seolah-olah membuka satu tirai yang sentiasa tertutup. Dengan terbukanya tirai ini , jelas zahir keagungan Allah serta kehaibatannya dalam ciptaannya sehingga si hamba itu ucapkan ALLAHU AKBAR.

Syariat, zikirnya ialah Subhanallah
Hakikat, zikirnya ialah Alhamdulillah
Makrifat, zikirnya ialah Allahu Akbar

Proses menyatukan ketiga-tiga bidang dengan zikirnya dinamakan Thoriqat, zikirnya Laa ilaha illallah.

Ketiga-tiga ibarat ini , Syariat, Hakikat dan Makrifat juga pernah di pandang dalam sudut Ilmu Tasauf dengan Istilah : Takhali, Tahalli dan Tajalli.

PENUTUP :

Dari hadith ini, terbawa kepada beberapa pengertian-pengertian dan istilah-istilah baru yang berfungsi dan mengajar kita untuk menghargai betapa besar dan pentingnya tiga perkara ini dari berbagai sudut dan betapa bahayanya jika salah satu antara tiga perkara ini rosak atau luput.

Wa Allahu A'lam

Mohamad Ghouse Khan Surattee

Muat turun : www.ghousekhan.blogspot.com

April 2007

RAJAH 10 PERUMPAMAAN MENGENAI 3 PERKARA YANG BERKAIT RAPAT SEPERTI : ISLAM , IMAN & IHSAN

Bil	Bidang/ Sudut	Islam (Muslim Shj)	Iman (Muslim Mukmin)	Ihsan (Muslim Mukmin Muhsin)
1	Subjek	Fiqeh (Ilmu Muamalah)	Tauhid (Ilmu Usul)	Tasauf (Ilmu Mukasyafah)
2	Bahasa Alquran	Ta'limul Kitab wal Hikmah	Tilawatul Ayat	Tazkiyatun Nafs
3	Istilah Hari Ini	Syariah	Haqiqah	Ma'rifah
4	Ilmu Perkebunan(Buah-buahan)	Kulit	Isi	Rasa
5	Elemen Penting Insan	Anggota Badan	Akal/ Hati	Roh

6	Konsep Ibadah	Ilmu	Amal	Ikhlas
7	Maqam	Zholimun Linafs (Banyak buat kesalahan)	Muqtasid (Banyak buat kebaikan tetapi sekali sekala tersilap juga)	Sabiqum Bil Khairat (Terlalu jauh pencapaian kebaikannya jika dibandingkan dengan Muqtasid)
8	Proses Penyucian	Takhali (Mengeluarkan kotoran jiwa)	Tahali (Mengisikan keindahan hati)	Tajali (Tersingkapan Rahsia Kerana Kembali Kpd Fitrah)
9	Zikir	Subhanallah	Alhamdulillah	Allahu Akbar
10	Anuhgerah Tuhan	Maghfirah	Rahmat	Redha